

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(I)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

28. Sejauh manakah *cultural mapping* dapat memupuk semangat kejiranan penduduk tempatan serta mengenali komuniti dengan lebih mendalam?
- (a) Bagaimana memelihara kebijaksanaan tempatan dan kemahiran tradisional yang semakin dilupai oleh orang muda?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu usaha NGO untuk melakarkan *cultural mapping* untuk komuniti di luar George Town khususnya di sekitar Bukit Mertajam?

**YB. YEOH SOON HIN MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA
MENTERI**

28. *Cultural mapping* boleh didefinisikan sebagai 'pemetaan budaya' di bawah warisan tidak ketara. Berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005, warisan tidak ketara adalah suatu bidang warisan yang menjadi keutamaan yang merangkumi sesuatu warisan yang 'bukan benda' untuk dinikmati oleh pancaindera manusia. Secara ringkasnya, warisan tidak ketara bermakna sesuatu perbuatan atau gerak geri manusia yang boleh dilihat, disentuh, dirasa, dihidu, atau didengari ketika ia dilakukan atau wujud, tetapi tidak lagi dapat dinikmati apabila ia tiada atau tamat.

Pemetaan budaya dapat memupuk semangat kejiwaan penduduk tempatan dan mengenali komuniti dengan lebih mendalam melalui program atau aktiviti seperti pewujudan *cultural village*, *Little India* dan sebagainya. Selain itu, komponen utama pemetaan budaya ini adalah melibatkan perancangan awal, perancangan projek, pengumpulan dan pemetaan maklumat, penentuan output atau hasil, identifikasi peluang, pembangunan produk, pengurusan projek dan penyelesaian program di mana semua perkara ini perlu dilaksanakan bersama dengan komuniti setempat.

- (a) Kerajaan Negeri telah menjalankan usaha dalam memelihara kebijaksanaan tempatan dan kemahiran tradisional melalui beberapa inisiatif seperti berikut:
 - (i) Mewujudkan institusi yang memelihara kebudayaan dan kesenian seperti George Town World Heritage Incorporated (GTWHI);
 - (ii) Kerajaan Negeri melalui GTWHI telah menganjurkan Program Pendidikan Warisan Budaya yang menggalakkan golongan muda antara umur 10 hingga 17 untuk mengenali kepelbagaian budaya warisan di sekeliling kawasan sekolah, dan memupuk kesedaran dan pemahaman mereka berkenaan budaya warisan. Sejak tahun 2016, program ini telah bermanfaat 3,622 orang pelajar dan 356 guru dari 66 sekolah rendah dan sekolah menengah dalam Negeri Pulau Pinang. Aktiviti yang telah dijalankan termasuk Bengkel Permainan Tradisional, Bengkel Masakan Tradisional, Bengkel Kraf Tangan Tradisional, Program Eksplorasi Warisan serta bengkel warisan guru untuk Sekolah Budaya Warisan agar menggalakkan lebih banyak pihak sekolah supaya

lebih proaktif dalam mempromosikan dan menganjurkan usaha pendidikan budaya warisan di dalam dan luar sekolah;

- (iii) Menganjurkan Perayaan Warisan George Town yang dianjurkan oleh George Town World Heritage Incorporated sempena Ulangtahun Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai setiap tahun. Tema-tema seperti Legasi Hidup (2014), Makanan Perayaan Tradisional (2015), Permainan Tradisional (2016), Tradisi Lisan dan Ekspresi (2017), dan Potensi (2018) telah dipilih sebagai usaha untuk memahami, mendokumentasi dan mempromosikan budaya warisan ini. Pada tahun 2018, seramai 27 kumpulan komuniti tempatan, 450 orang sukarelawan (yang majoritinya terdiri daripada orang muda pelbagai kaum), dan 18,000 orang awam telah menyertai Perayaan Warisan George Town 2018;
- (iv) Kerajaan Negeri melalui George Town World Heritage Incorporated juga telah mengadakan pemetaan budaya masyarakat setempat dengan mendokumentasikan perniagaan tradisional, kemahiran pertukangan kraf tempatan, cerita hidup daripada warga tua dan lain-lain lagi. Informasi ini telah direkod secara audio, video atau diterbitkan dalam bentuk buku melalui projek Dokumentasi Sejarah Lisan dan projek Dokumentasi Video. Informasi yang telah dikumpul ini akan menjadi bahan rujukan yang penting untuk generasi muda dalam memahami dan meneruskan budaya warisan ini;

- (v) Mengiktiraf kebudayaan tempatan dalam Akta Warisan Kebangsaan/UNESCO seperti pencalonan puisi, tarian dan lain-lain diangkat ke peringkat UNESCO; dan
 - (vi) Mengiktiraf karya tempatan dan hakcipta melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (myIPO).
- (b) Usaha Kerajaan Negeri dalam membantu usaha NGO untuk melakukan pemetaan budaya untuk komuniti luar Georgetown khususnya di sekitar Bukit Mertajam adalah seperti menganjurkan pesta tahunan bersama NGO seperti Pesta Tanglung di Bukit Mertajam. Pelbagai aktiviti serta persembahan-persembahan yang berunsurkan kebudayaan dan tradisi masyarakat majmuk telah disediakan untuk tujuan mempromosikan aktiviti budaya tradisi dan memupuk masyarakat yang harmoni seperti pertandingan mewarna, pertandingan tarian tradisi dan pertandingan pembuatan tanglung.

Kerajaan Negeri bersedia menerima pandangan dan cadangan daripada ADUN kawasan untuk melakarkan pemetaan budaya di sekitar Bukit Mertajam demi mengekalkan dan membangunkan kebudayaan di Bukit Mertajam.

